

RENCANA

Sempena ulang tahun ke-75 Konstabel Khas Sukarela (VSC) pada 1 Oktober, **BERITA MINGGU** meninjau dua relawan yang telah meluangkan masa demi membantu masyarakat dan rakyat Singapura. VSC adalah sebuah program di mana rakyat umum boleh tampil sebagai pegawai relawan dan boleh dikerahkan kepada antara tujuh unit di bawah Pasukan Polis Singapura (SPF).

'Khidmat sebagai Konstabel Khas Sukarela bantu bina peribadi saya'

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

SEAKAN masih terhidu lagi bau mayat yang terlantar seorang diri di dalam sebuah flat di Telok Blangah.

Pada waktu itu Sarjan Kedua Nurul Jannah Ahmad perlu menangani kes seorang warga yang didapati sudah meninggal dunia beberapa hari seorang diri di dalam flatnya.

"Mujur kami tahu tentang kes itu awal, jadi baunya tidak begitu teruk.

"Tetapi, ia memberi seakan satu sentakan bagi saya. Ia mengingatkan saya agar selalu menghargai ibu bapa saya dan memastikan mereka tidak keseronangan," ujarnya.

Sarjan Nurul merupakan antara pegawai Konstabel Khas Sukarela (VSC) yang telah diiktiraf hujung minggu lalu dalam satu majlis atas khidmat mereka kepada Pasukan Polis Singapura (SPF) dan negara.

Sarjan Nurul, yang bekerja sebagai pegawai teknologi makmal di Universiti Nasional Singapura (NUS) telah menyertai VSC sejak empat tahun lalu.

Menurut anak muda berusia 29 tahun ini, minatnya terhadap bidang kerja polis memang sudah berputik sejak kecil lagi lebih-lebih lagi selepas beliau tertarik dengan cara polis menjalankan tugas dalam satu program televisyen 'Clif'.

Menurutnya, menjadi pegawai VSC secara sukarela memberinya peluang menyumbang khidmat

bagi membantu masyarakat sekeliling dan pada masa yang sama mengejar kerjayanya.

"Semacam satu kepuasan dirasa apabila diberi peluang menjadi antara yang pertama membantu menyelesaikan sesuatu kes," katanya lagi.

Selama 16 jam setiap bulan, Sarjan Nurul akan meluangkan masa dan tenaga untuk membantu polis sepenuh masa meronda di kawasan kejiranan dan memberi respon kepada semua panggilan 999 yang diterima.

Namun, pernah juga beberapa kali peranan beliau selaku VSC wanita tercabar semasa mengendalikan kes yang ditanganinya.

Sarjan yang lemah lembut orangnya itu berkata ada beberapa kali lelaki yang ada kalanya mabuk dan menimbulkan kekacauan di tempat awam, mencabar kedudukannya sebagai wanita dan tidak rasa gentar apabila beliau menghampiri mereka.

"Tetapi, saya tetap berpendirian teguh dan perlu menunjukkan ketegasan apabila perlu," katanya lagi.

Inilah juga antara nilai yang beliau pelajari selaku seorang VSC yang boleh beliau terapkan dalam kehidupan harian.

"Saya kini lebih teliti dalam setiap butiran, lebih memerhati dan berwaspada kerana inilah yang diajarkan SPF kepada saya.

"Secara tidak langsung, ia juga telah membina karakter saya selain membantu saya bagaimana untuk menjadi seorang insan yang bersikap lebih toleran terhadap orang lain," katanya lagi.



MINAT BIDANG KERJA POLIS SEJAK KECIL: Menurut Cik Nurul Jannah, menjadi pegawai Konstabel Khas Sukarela (VSC) memberinya peluang menyumbang khidmat bagi membantu masyarakat sekeliling dan pada masa yang sama mengejar kerjayanya. – Foto-foto SPF

“

Saya kini lebih teliti dalam setiap butiran, lebih memerhati dan berwaspada kerana inilah yang diajarkan SPF kepada saya. Secara tidak langsung, ia juga telah membina karakter saya selain membantu saya bagaimana untuk menjadi seorang insan yang bersikap lebih toleran terhadap orang lain.

– Sarjan Kedua Nurul Jannah Ahmad, 29 tahun, antara pegawai Konstabel Khas Sukarela (VSC) yang telah diiktiraf hujung minggu lalu dalam satu majlis atas khidmat mereka kepada Pasukan Polis Singapura (SPF) dan negara.



MAHU MAINKAN PERANAN: Encik Habib Mohammed Asraf Bela sumbang tenaga sebagai relawan Konstabel Khas Sukarela (VSC) di Divisyen Central kerana mahukan pelibatan yang lebih peribadi untuk memastikan Singapura selamat.

Azam contohi bapa sebagai pegawai polis tercapai melalui khidmat dalam VSC

► **NUR SYUHRAH HASSAN**
nrsyuhrah@sph.com.sg

MENGETAHUI bapanya seorang pegawai polis semasa beliau masih kecil, Encik Habib Mohammed Asraf Bela juga berazam untuk mengikut jejaknya.

Encik Habib, 23 tahun, kini seorang pelajar di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan telah tampil sebagai relawan untuk Pasukan Polis Singapura (SPF) sejak Januari tahun lalu.

"Saya memang mempunyai minat untuk menjadi seorang anggota polis. Lebih-lebih lagi, saya juga sentiasa berminat untuk menjadi sukarelawan dan menyumbang kepada masyarakat," ujar pelajar kejuruteraan mekanikal dalam tahun kedua itu.

Encik Habib adalah antara pegawai Konstabel Khas Sukarela (VSC) di Divisyen Central.

Sebelum itu, beliau sertai skim Rondaan Rakyat (COP) di kawasan kejirannya di Sengkang di mana beliau membantu mendapatkan maklum balas daripada penduduk dan sebagainya.

Selepas tiga bulan, beliau mendapat tahu mengenai satu skim VSC di mana beliau dapat memberi bantuan lebih luas dan Encik Habib harus

menjalani Latihan Perintah Polis untuk menjadi relawan VSC.

Ini bermakna ketika bertugas sebagai relawan, beliau akan menggunakan baju seragam biru bersama semua peralatan yang diberikan kepada pegawai polis sebenar.

"Saya berasa berbesar hati kerana dapat menggunakan pakaian seragam yang sangat dihormati serta besar tanggungjawabnya.

"Sebagai sukarelawan COP, peranan saya biasanya merangkumi perkongsian petua pencegahan jenayah dan mengawasi kawasan kejiranan. Walau bagaimanapun, saya sentiasa mahukan pelibatan yang lebih peribadi untuk memastikan Singapura selamat," jelas abang sulung tiga beradik itu.

"VSC adalah salah satu cara saya menyertai pihak polis dalam perjuangan untuk menunjukkan penghargaan saya terhadap kerja harian yang mereka lakukan," tambah beliau, yang telah menyertai VSC sejak Mac lalu.

Menurutnya, beliau seorang Pegawai Respons Darat (GRF) di bawah skim VSC dan ditugaskan untuk memberi respon kepada panggilan keemasan '999' bersama pasukannya.

"Melalui tugas saya ini, saya telah mengendalikan pelbagai kes. Salah satu kes yang paling me-

narik ialah seorang wanita yang duduk di bahagian bangunan setinggi 20 tingkat dan sedang bersedia untuk terjun.

"Sebagai pihak yang memberikan bantuan pertama di tempat kejadian, saya dan rakan kerja saya terpaksa membuat penilaian pantas terhadap situasi itu.

"Kami terpaksa meyakinkan dan memujuk wanita itu agar tidak terjun. Kami akhirnya berjaya menenangkannya dan membawanya kembali ke unit," cerita Encik Habib sambil meluahkan bahawa kisah itu akan sentiasa kekal dalam ingatannya sebagai salah satu kes menarik yang beliau telah tangani.

Setiap minggu, Encik Habib akan meluangkan masa untuk menjadi relawan dalam syif selama 12 jam.

Beliau berkata tugas relawannya itu telah mengajarnya tentang disiplin dan pengurusan masa. Oleh itu beliau kini bijak menguruskan masa sebagai pelajar dan relawan.

"VSC telah memberikan gambaran yang baik mengenai kehidupan seorang pegawai polis. Sejajurnya, saya seronok dengan tugas ini. Insya-Allah, saya berharap untuk mendaftar sebagai pegawai polis sepenuh masa selepas tamat pengajian sekolah," tambah beliau.

“

VSC adalah salah satu cara saya menyertai pihak polis dalam perjuangan untuk menunjukkan penghargaan saya terhadap kerja harian yang mereka lakukan... VSC telah memberikan gambaran yang baik mengenai kehidupan seorang pegawai polis. Sejajurnya, saya seronok dengan tugas ini. Insya-Allah, saya berharap untuk mendaftar sebagai pegawai polis sepenuh masa selepas tamat pengajian sekolah.

– Encik Habib Mohammed Asraf Bela.